

D244

U B376 DEB

MAHATHIR - BALING

(I)

KUALA LUMPUR, 30 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMED BERKATA KEJADIAN DI BALING BARU-BARU INI BERPUNCA DARIPADA SIKAP PELAMPAU BEBERAPA ORANG SERTA MEMPUNYAI KAITAN POLITIK.

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN PERSIDANGAN KETUJUH ASEAN-CCI DI SINI HARI INI, PAS TIDAK BOLEH BERLEPAS TANGAN SEPENUHNYA DARIPADA KEJADIAN ITU KERANA IBRAHIM MAHMOOD PERNAH BERTANDING ATAS TIKET PARTI DALAM PILIHANRAYA.

EMPAT ORANG ANGGOTA POLIS DAN 14 PENJENAYAH TERBUNUH DALAM PERISTIWA DI KAMPUNG MEMALI, CERUK PUTIH DI BALING MINGGU LALU, SEHARI SEBELUM PERDANA MENTERI MEMULAKAN LAWATAN RASMINYA KE CHINA.

+ YANG MENJADI PERKARA UTAMA IALAH KERANA SIKAP PELAMPAU MEREKA ... IA MEMPUNYAI KAITAN POLITIK ... WALAUPUN PAS TIDAK MENYOKONG TINDAKAN SEPERTI ITU, + KATANYA. -- LAGI.  
1303MST 30 11 85

D250

U B381 DEB

MAHATHIR - BALING 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI GESAAAN PAS SUPAYA KERAJAAN MENGADAKAN SIASATAN RASMI BERHUBUNG DENGAN KEJADIAN ITU, PERDANA MENTERI BERKATA SEMUA PERKARA SEPERTI ITU AKAN DIADAKAN SIASATAN RASMI.

+YANG KITA TIDAK MAHU IALAH MENJADIKAN SIASATAN ITU SEPERTI PERTUNJUKAN PERCUMA DAN MEMBERIKAN PARTI-PARTI POLITIK PELUANG MENGGUNAKAN ISU ITU.

KATANYA YANG DIKEHENDAKI OLEH PAS IALAH SATU ISU POLITIK UNTUK DISENSASIKAN DAN BUKANNYA SIASATAN SERTA MENAMBAH KATA BAHAWA PAS TIDAK BERMINAT KEPADA SOAL SAMA ADA NEGARA INI AMAN ATAU TIDAK.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEJADIAN ITU JUGA JUGA MEMBAYANGKAN SEOLAH-OLAH PAS MENYOKONG KEGIATAN SEPERTI ITU KERANA IA TIDAK MENGUTUKNYA KECUALI SEORANG PEMIMPINNYA YANG BERKATA KEJADIAN ITU TIDAK MEMPUNYAI KAITAN DENGAN PAS.

TIMBALAN YANG DIPERTUA AGUNG PAS HAJI FADZIL NOOR DILAPORKAN BERKATA PARTI ITU TIDAK MEMPUNYAI HUBUNGAN DENGAN KEGIATAN MEREKA YANG DIKEHENDAKI OLEH POLIS ITU DAN ANGGOTA PARTI YANG TERBABIT BERTINDAK SENDIRI DAN TIDAK ATAS ARAHAN APA-APA. -- LAGI.  
1318MST 30 11 85

D255

U B384 DEB

MAHATHIR - BALING 3 KUALA LUMPUR

+SAYA DAPATI ADA PIHAK YANG BERASA MEREKA PATUT MENYOKONG TINDAKAN SEPERTI ITU,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

PERDANA MENTERI JUGA MENYIFATKAN DAKWAAN KONONNYA MEREKA YANG MATI ITU SYAHID SEBAGAI +KARUT+.

+JIHAD APA ... APA YANG JIHAD DENGAN MEMBUNUH ANGGOTA POLIS YANG MENJALANKAN TUGAS MEREKA?+ TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENOLAK DAKWAAN KONONNYA SALAH SATU FAKTOR KEJADIAN ITU IALAH KEMISKINAN DAN BERKATA KEMISKINAN WUJUD DI BALING SEJAK PEMERINTAHAN BRITISH.

+IA CERITA LAMA ...KENAPA IA TIDAK BERLAKU PADA MASA ITU ... ADAKAH MEREKA TAKUTKAN BRITISH?+ TANYA BELIAU. -- LAGI.

1324MST 30 11 85

D262

U B389 DEB

MAHATHIR - BALING 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENGANGGAP MEREKA YANG MENGGUNAKAN ALASAN ITU SEBAGAI MENGAMBIL KESEMPATAN DARIPADA SIKAP LIBERAL DAN DEMOKRATIK KERAJAAN DAN KATANYA, KEMISKINAN DI LUAR BANDAR TELAH WUJUD SEJAK SEKIAN LAMA.

KATANYA ADA TEMPAT-TEMPAT LAIN YANG MISKIN TETAPI MASYARAKATNYA MENYOKONG KERAJAAN.

BELIAU BERKATA JIKA KEJADIAN ITU BERPUNCA DARIPADA KEMISKINAN DAN JIKA DIKATAKAN KIRA-KIRA 20 HINGGA 30 PERATUS PENDUDUK HIDUP DI KAWASAN MISKIN, MAKA TENTULAH TELAH BERLAKU RUSUHAN YANG DILANCARKAN OLEH MEREKA.

+TETAPI INI TIDAK BERLAKU,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENCABAR MEREKA SUPAYA MENUNJUKKAN MAYAT ORANG YANG MATI KEBULURAN, JIKA ADA.

+...MEREKA TIDAK MAHU MEMAHAMI APAKAH DIA KEMISKINAN LUAR BANDAR ... KAMI BERSEEDIA MENUNJUKKAN KEPADA MEREKA TEMPAT DI LUAR MALAYSIA DI MANA ADA KEADAAN YANG BENAR-BENAR KEMISKINAN.+ -- BERNAMA.

1339MST 30 11 85